

Bahagian B Soalan Struktur

Jawab semua soalan.

1 Zaman Air Batu terbahagi kepada empat tahap zaman. **MS Teks 30 - 31**

(a) Nyatakan tahap pertama dan kedua zaman tersebut. **Praktis Berpandu**

- Zaman _____
- Zaman _____

[2 markah]

(b) Terangkan tentang Zaman Miosen. **Praktis Berpandu**

- Berlaku antara 23 juta hingga 5 juta tahun dahulu.
- _____ yang ada hari ini terbentuk secara fizikal.
- _____ telah wujud dan berkembang di Bumi.
- Begitu juga dengan hidupan di _____ dan di air.
- Suhu dunia _____ dan kering.

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengetahui perubahan dan sebab berlakunya Zaman Air Batu ini? **Praktis Berpandu**

- Membantu meningkatkan _____ kita tentang perkara yang berlaku kepada Bumi dan hidupan pada masa dahulu.
- Hal ini dapat memupuk sikap sayang akan _____.
- Membantu _____ Bumi.
- Mengelakkan _____ pada bentuk muka Bumi.

[4 markah]

2 (a) Nyatakan ciri-ciri aras laut pada Zaman Air Batu Akhir. **MS Teks 34 - 35** **Praktis Berpandu**

- Permukaan air laut _____.
- Paras air laut _____.
- Pulau-pulau _____ dengan tanah besar dan memudahkan manusia dan binatang bermigrasi.

[3 markah]

(b) Apakah kesan jika suhu dunia semakin meningkat? **Praktis Berpandu**

- Berlaku _____ air batu.
- Paras air laut _____.
- Hidupan di Bumi kehilangan _____.

[3 markah]

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk menjaga alam sekitar. **Praktis Berpandu**

- Mengurangkan _____ terbuka.
- Mengurangkan _____ pokok.
- Memperbanyak _____.
- Memperhebat _____ menjaga alam sekitar.

[4 markah]

Pilihan Jawapan

- (b)
- laut
 - gunung-ganang
 - mamalia
 - panas

- (c)
- memelihara
 - kerosakan
 - pemahaman
 - alam sekitar

- (a)
- rendah
 - membeku
 - bersambung

- (b)
- tempat tinggal
 - kecairan
 - meningkat

- (c)
- tumbuhan hijau
 - kempen
 - pembakaran
 - penebangan

- 3 (a) Apakah maksud paleontologi? **MS Teks 28 - 39** **Praktis Berpandu**
Paleontologi ialah bidang ilmu yang mengkaji organisma yang pernah hidup di Bumi, sisa atau _____ yang telah terawet dalam _____ binatang, tumbuhan dan bentuk hidupan purbakala.

[2 markah]

- (b) Nyatakan **empat** lautan yang terbentuk akibat perubahan bentuk fizikal Bumi. **Praktis Berpandu**

- Lautan _____
- Lautan _____
- Lautan _____
- Lautan _____

[4 markah]

- (c) Nyatakan nilai yang boleh dipelajari daripada pembentukan fizikal Bumi. **Praktis Berpandu**

- _____ dengan keunikan Bumi.
- _____ alam sekitar.
- _____ ilmu berkaitan.
- Memupuk sikap _____ dalam memelihara alam sekitar.

[4 markah]

- 4 (a) Nyatakan binatang yang telah pupus yang hidup pada Zaman Pleistosen. **MS Teks 36**

[2 markah]

- (b) Apakah yang terjadi akibat tindakan glasier pada Zaman Air Batu Akhir? **Praktis Berpandu**

- Air batu yang cair di kawasan tinggi membawa bersama _____ menurun tanah tinggi.
- Lebihan air yang dibawa _____ laut dan tanah tinggi.

[4 markah]

- (c) Pada pandangan anda, apakah kesan besar terhadap kehidupan manusia akibat perubahan iklim? **Praktis Berpandu**

- Manusia perlu _____ aktiviti harian dengan perubahan iklim.
- Manusia _____ keluar dari benua Afrika.
- Manusia _____ mendiami benua Eropah dan benua Asia.

[4 markah]

Pilihan Jawapan

- (a) • sedimen
• fosil

- (c) • mendalami
• bertanggungjawab
• bersyukur
• memelihara

- (b) • batu dan tanah
• melimpahi

- (c) • bergerak
• menyesuaikan
• beransur-ansur